



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 25 JUN 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	PELUANG PEKERJAAN TERBUKA LUAS DALAM BIDANG PERTANIAN MENERUSI DANA DISEDIAKAN KERAJAAN, PREBIU.COM -ONLINE AGIH SUBSIDY PADI IKUT HASIL SAWAH, NASIONAL, BH -18 KRI RECOMMENDS OUTPUT-BASED SUBSIDY, BUSINESS/NEWS, NST -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
4. 5. 6. 7.	INDUSTRI TUNA BAKAL DIKEMBANGKAN, NASIONAL, SH -17 INDUSTRI TUNA SUMBER KEKAYAAN BAHARU NEGARA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE PETUGAS BARISAN HADAPAN DIRAI DENGAN PRODUK TUNA, AISKRIM RUMPAL LAUT, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE INDUSTRI TUNA NEGARA BAKAL DIKEMBANGKAN MELALUI PELAN STRATEGIK 2020-2030, BERNAMA -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	TARIK PETANI TANAM PADI WANGI MRQ 88, NEWS, SELANGOR KINI -14	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
9. 10. 11.	PILIH PESERTA BERKUALITI JAYAKAN PERTANIAN BANDAR, MINDA PEMBACA, BH -13 PERACUN DARI LANGIT, LOKAL, HM -7 PASTIKAN MAKANAN SELAMAT, CUKUP HADAPI KRISIS, RENCANA, BH -12	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Peluang Pekerjaan Terbuka Luas Dalam Bidang Pertanian Menerusi Dana Disediakan Kerajaan



Pengerusi NGO Antarabangsa dan Penasihat NGO-NGO Malaysia, Datuk Dr Mustapha Ahmad Marican melahirkan rasa kebimbangan kerana ramai anak tempatan kehilangan pekerjaan dan kadar pengangguran akan meningkat pada tahun ini.

Beliau berkata, walaupun kerajaan berusaha mengatasi masalah tetapi bebanan itu tidak harus diletakkan sepenuhnya kepada kerajaan semata-mata kerana setiap tahun beribu graduan menamatkan pengajian di IPTA dan IPTS.



Mustapha (kanan) bersama Azman (tengah) dan Shuib di Putrajaya, baru-baru ini.

"Oleh itu saya menyeru kepada semua yang sedang mencari pekerjaan, pada masa ini kita tidak lagi boleh memilih pekerjaan tetapi berfikir bagaimana untuk kita mencari rezeki bagi menyara diri sendiri dan keluarga.

"Banyak peluang yang ada di luar sana asalkan kita berusaha mahu mencarinya secara halal dan sah daripada segi undang-undang negara serta agama.

"Jadi rebutlah peluang yang ada sama ada bekerja dengan orang atau mengusaha sendiri mengikut minat masing-masing," katanya ketika mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Azman Mahmood di Putrajaya, baru-baru ini.

Hadir sama Pengerusi NGO Labuan, Dato Seri Shuib Nasir.

Sementara itu, Azman berkata, banyak kemudahan dibawah kementerian untuk sesiapa sahaja warga tempatan yang berminat dan mempunyai tanah yang kecil dan luas untuk diceburi pelbagai bidang seperti tanaman jangka pendek atau panjang.

Beliau berkata, begitu juga bidang perikanan dan ternakan kerana apa yang paling penting mereka berminat menunjukkan kesungguhan dan rajin berusaha, banyak insentif yang kerajaan beri seperti benih, baja, tunjuk ajar, latihan dan geran khas.



Katanya, mereka juga perlu membuktikan tanah itu dimiliki sendiri atau disewa dan usahasama mudah dilakukan dalam menyalurkan apa-apa bantuan kepada golongan ini.

Mustapha juga menyeru para lepasan atau graduan merebut peluang terbaik daripada Kerajaan yang menawarkan pelbagai bentuk bantuan dan kemudahan bagi membantu rakyat.

"Justeru, selepas wabak pandemik COVID-19 ini, bidang pertanian, penternakan dan industri makanan dilihat menyediakan peluang terbaik bagi mereka yang berminat.

"Jadi rebutlah peluang yang ada sedangkan orang dari luar melihat negara kita punca rezeki yang banyak jadi tidak hairanlah ramai PATI ingin memasuki Negara kita dari laut dan darat," katanya.

# Agih subsidi padi ikut hasil sawah

Program RDE berimpak tinggi mampu tingkat keluaran, kurangkan kos

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengagihan subsidi padi berasaskan input membabitkan bayaran pindahan tunai, baja dan benih ketika ini, wajar ditukar kepada pemberian output dalam bentuk ganjaran mengikut prestasi sawah.

Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) dalam laporan kajiannya bertajuk 'Implikasi Peralihan Besar kepada Tanaman Industri dalam Sektor Pertanian Malaysia: Fasa 1: Model Sistem Dinamik Sektor Padi dan Beras', secara dasarnya bagai manapun berkata, masa depan industri padi tidak tertletak kepada subsidi, tetapi

program penyelidikan, pembangunan dan pengembangan (RDE) berimpak tinggi.

Ia berkata, pelaksanaan RDE yang lebih berkesan dan pengeluaran input tempatan dapat meningkatkan hasil padi di samping mengurangkan kos pengeluaran serta tambah pendapatan petani.

Bagai manapun, KRI mendapati, penarik mendadak subsidi dan insentif akan menjejaskan hasil padi negara serta keuntungan bersih pesawah, terutama dalam jangka masa pendek.

"Dicadangkan subsidi input dialihkan kepada berasaskan output iaitu ganjaran mengikut prestasi sawah, justeru pelaksanaan RDE lebih berkesan serta pengeluaran input tempatan adalah untuk meningkatkan hasil padi di samping mengurangkan kos pengeluaran, lantas meningkatkan pendapatan petani," katanya.

Kajian mendapati, RDE yang berfungsi sepenuhnya mencukupi untuk mengemblem keseluruhan sistem ke arah hasil padi, tahap sara diri (SSL) dan pendapatan petani yang tinggi.

"Jika ditarik balik berperingkat, subsidi input yang berusia 40 tahun ini bukan lagi suatu kepastian yang tidak boleh dihindari," katanya.

Kajian KRI mendapati, peningkatan subsidi dan barga minimum terjamin padi sejak 2005 tidak semestinya meningkatkan pendapatan petani dengan tinggi. Mengikut kajian, walaupun pesawah memberi respon kepada subsidi output dan input, ia masih tidak mencukupi untuk meningkatkan hasil dan pendapatan petani kerana dibatasi sokongan insentif yang lemah terutama RDE dan input tempatan yang terbatas.

"Dalam beberapa tahun lalu, perbelanjaan subsidi dan insentif padi menunjukkan trend peningkatan, tetapi dalam kadar pertumbuhan yang berkurangan sejak kebelakangan ini.

"Antara 2011 hingga 2015, lebih RM2 bilion setahun sudah dibelanjakan ke atas subsidi dan insentif padi yang mengambil 40 hingga 50 peratus perbelanjaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).



Institut Penyelidikan Khazanah syor subsidi input diganti ganjaran mengikut prestasi sawah pastikan petani jana pendapatan lebih tinggi. (Foto hiasan)

"Walaupun kini perbelanjaan menurun di bawah RM2 bilion, industri padi dan beras menerima bantuan belanjawan tinggi berbanding tanaman lain," katanya. Kajian KRI itu diketuai Felo Pelawat Senior, Prof Datin Paduka

Fatimah Mohamed Arshad bersama Kusairi Mohd Noh, Nguyen Luong Bach, Illisriyani Ismail, Abdullah Ibragimov, Gregory Ho Wai Son, Siti Aiyisyah Tumin dan Ahmad Ashraf Ahmad Shahardin.

## PADI FARMING

# KRI RECOMMENDS OUTPUT-BASED SUBSIDY

Industry's future relies on impactful RDE schemes, says study

FARAH ADILLA  
KUALA LUMPUR  
bt@nst.com.my

**H**IGHER subsidies and the guaranteed minimum price of padi since 2005 have done little to increase farmers' income, according to a study by Khazanah Research Institute (KRI).

While farmers are responsive to output and input subsidies, both instruments are inadequate to increase their yield and revenue, it said.

This is because the farmers were constrained by ineffective institutional support, particularly in research, development and extension (RDE) programmes as well as lack of local input.

KRI said expenditure on rice subsidies and incentives had been increasing over the years, with a gradual decline only in the last few years.

Between 2011 and 2015, more than RM2 billion was spent on padi subsidies and incentives yearly.

This translated to between 40 and 50 per cent of the Agriculture and Agro-Based Industry Ministry's expenditure.

KRI said although the amount had dropped below RM2 billion annually from 2016 to last year, the industry still received more budgetary assistance than any other crops.

However, the study noted that a sudden removal of subsidies and incentives may negatively affect national rice productivity and farmers' net profit, especially in the short term.



Between 2011 and 2015, more than RM2 billion was spent on padi subsidies and incentives yearly, according to Khazanah Research Institute. FILE PIC

The study recommends a shift from input- to output-based subsidy, which is based on rewarding farm performance, and implementation of effective RDE and local input production to improve yield and reduce production cost, respectively.

"The future of the industry relies not on subsidies, but on impactful RDE programmes. A fully functioning RDE is effective enough to energise the whole system towards higher yield, self-sufficiency level and farmers' income.

"Done gradually, the 40-year old input subsidy is not indispensable," said lead author and KRI visiting senior fellow Professor Datin Paduka Fatimah Mohamed Arshad,

Based on the findings, the pro-

posed ecosystem of the new virtuous circle comprises an optimum complementarity of RDE strategies, productive subsidies and incentives, and local input development.

This entails energising the RDE sub-system to enhance yield, cropping intensity and extension effectiveness, provision of productive incentives for efficient use of input (land, labour and non-labour input and capital) and local input production.

The study simulates a number of future policy scenarios, comprising various combinations of subsidy mix (input and output) and RDE strategies (to produce higher yielding variety and cropping intensity and effective extension) and local input production.

# Industri tuna bakal dikembangkan

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan agih 5,000 cucuk sate tuna kepada petugas barisan hadapan

Oleh MOHD HAFIZ ISMAIL

## SERDANG

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan menerusi Jabatan Perikanan mengagihkan sebanyak 5,000 cucuk sate tuna kepada petugas barisan hadapan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini semalam.

Timbangan Menteri I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ia sebagai penghargaan pengorbanan mereka yang terlibat dalam usaha menangani penularan wabak coronavirus (Covid-19).

Pada sama yang sama, katanya, ia juga sebahagian daripada promosi untuk memperkenalkan produk tuna yang merupakan salah satu hasil kekayaan negara.

“Ia adalah inisiatif Kementerian untuk turut serta membantu barisan hadapan.”

“Pengorbanan mereka perlu diiktirafkan kepada semua rakyat Malaysia untuk membawa budaya sentiasa bersedia bersama-sama memberikan sumbangan,” katanya kepada pemberita selepas program promosi produk tuna kepada petugas barisan hadapan yang menangi Covid-19.

Ahmad berkata, tuna adalah produk yang boleh dibanggakan dan berharap industri berasaskan tuna dapat dikembangkan lagi di Malaysia.

Menurutnya, sate tuna merupakan produk inovasi Jabatan Perikanan yang diperkenalkan pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) 2016.

“Ia sebagai produk galakan promosi hasil tuna yang diperkenalkan bagi mempelbagaikan variasi sate sedia ada di pasaran.

“Selain itu, ia juga adalah peluang kepada rakyat Malaysia untuk menikmati makanan premium dengan kadar yang rendah,” katanya.

Beliau berkata, industri tuna di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu tuna



FOTO: IZARI ROSLI

Ahmad (kanan) menyerahkan sate tuna kepada petugas barisan hadapan di MAEPS dekat Serdang semalam.

oseanik yang merujuk kepada spesies tuna yang boleh didapati di lautan antarabangsa (Lautan Hindi) dan Malaysia Timur (Sabah dan Labuan), manakala tuna neritik merujuk kepada tuna bersaiz kecil dan ditangkap dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia.

Mengulas lanjut, katanya, pada tahun 2016, Jabatan Perikanan telah menyenaraikan dua buah pelabuhan di Malaysia sebagai pelabuhan penidaran tuna oleh vesel yang beroperasi di Lautan Hindi iaitu Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Langkawi.

“Sehingga 2019, sebanyak 17 buah vesel penangkapan ikan tuna dan sebuah vesel *carrier* tuna telah dilesenkan untuk beroperasi di Lautan Hindi dengan hasil tangkapan seberat 2,760.50 tan metrik berdasarkan data awalan dengan nilai anggaran berjumlah RM35 juta.

“Tuna di Malaysia secara keseluruhannya merangkumi tangkapan ikan seperti tuna neritik, oseanik dan *like species*. Pada 2019, sebanyak 101,627 tan metrik (data awalan) tuna didaratkan dengan nilai anggaran RM900 juta,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2020	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## Industri tuna sumber kekayaan baharu negara



Sate tuna yang merupakan produk yang dipromosikan pada Program Promosi Produk Tuna kepada Petugas Barisan Hadapan Yang Menangani Penyakit Covid-19 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor. foto HAZROL ZAINAL, 24 JUN 2020.

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menerusi Jabatan Pertanian dalam usaha membangunkan hub-tuna di negara ini dengan menyediakan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2020-2030.

Menurut Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah, pelan itu merangkumi 10 strategi dan inisiatif pembangunan dan pengurusan industri tuna negara dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Beliau berkata, pendaratan tuna di negara ini melibatkan tiga pangkalan iaitu di Pulau Pinang, Langkawi dan di Sabah keseluruhannya sebanyak 101,627.32 tan metrik dengan nilai kira-kira RM900 juta pada tahun 2019.

Katanya, tangkapan itu melibatkan tuna neritik di perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan tuna oseanik yang ditangkap di perairan Lautan Hindi.

"Terdapat empat spesies tuna oseanik utama yang ditangkap oleh nelayan kita di Lautan Hindi menggunakan vessel atau bot laut dalam peralatan rawai, iaitu *Yellowfin Tuna*, *Bigeye Tuna*, *Albacore* dan *Skipjack*.

"Ikan tuna neritik pula ditangkap di perairan negara untuk spesies *Longtail Tuna*, *Frigate Tuna*, *Bullet Tuna* dan Kawakawa, iaitu aya hitam, aya kurik, aya peluru dan aya putih, yang ditangkap menggunakan pukat jerut," katanya.



Datuk Seri Ahmad Hamzah (kanan) menyerahkan sate tuna kepada Pengarah Pusat Kuarentin dan Rawatan Covid Berisiko Rendah, Dr. Mohd Anuar Sahmad @ Mahmood (kiri) pada Program Promosi Produk Tuna kepada Petugas Barisan Hadapan Yang Menangani Penyakit Covid-19 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor. foto HAZROL ZAINAL, 24 JUN 2020.

Beliau berkata demikian pada program promosi produk tuna kepada petugas barisan hadapan yang menangani penyakit Covid-19 di MAEPS dekat sini, hari ini.

Jelas beliau, industri tuna di negara ini sedang berkembang dan membangun sebagai salah satu sumber kekayaan baharu negara dan Jabatan Perikanan komited memajukannya di Pulau Pinang.

Katanya, sehingga 2019, sebanyak 17 vessel penangkapan tuna dan satu kapal pengangkut tuna telah dilenaskan serta beroperasi di Lautan Hindi dengan hasil tangkapan sebanyak 2.7 juta tan metrik dengan nilai RM35 juta.

Mengenai produk tuna, Ahmad berkata, sate tuna merupakan produk inovasi Jabatan Perikanan yang diperkenalkan pertama kali di MAHA 2016.

"Ini merupakan produk galakan promosi hasilan tuna yang diperkenalkan bagi mempelbagaikan variasi sate sedia ada di pasaran, di samping memberi kelainan dari segi rasa, nutrisi dan pilihan kepada pengguna.

"Sate tuna ini dihasilkan 100 peratus dari ikan tuna sirip kuning (*yellow tuna*) yang lazat dan kaya dengan khasiat Omega-13," katanya. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2020	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## Petugas barisan hadapan dirai dengan produk tuna, aiskrim rumpai laut



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah (tengah) bersama Pengurus Pembangunan Perniagaan Produk Dr. Tuna, Shazli Rifaat Ghazali (dua kiri) mencuba sate tuna pada Program Promosi Produk Tuna kepada Petugas Barisan Hadapan di MAEPS, Serdang, Selangor. foto HAZROL ZAINAL, 24 JUN 2020.

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mahu masyarakat di negara ini mencontohi kegigihan para petugas barisan hadapan sepanjang pandemik Covid-19.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, golongan tersebut bertugas siang malam tanpa mengira penat lelah semata-mata untuk memastikan rakyat dan negara ini dapat dikekang dari penularan virus yang boleh meragut nyawa itu.

"Sebagai tanda terima kasih dan ingatan kita dengan bidang tugas mereka, kita meraikannya dengan mempromosikan produk ikan tuna seperti sate tuna dan aiskrim rumpai laut.

"Sepanjang empat bulan sejak wabak Covid-19 mula dikesan, para petugas ini berkhidmat dengan begitu baik dan cemerlang sekali.

"Hendaknya pengorbanan mereka ini dijadikan contoh dan tauladan oleh seluruh rakyat sebagai satu budaya bahawa kita sentiasa berkhidmat dan sama-sama memberikan sumbangan," katanya.



Para petugas barisan hadapan mencuba sate tuna sempena Program Promosi Produk Tuna kepada Petugas Barisan Hadapan Yang Menangani Penyakit Covid-19 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor. foto HAZROL ZAINAL, 24 JUN 2020.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas program promosi produk tuna kepada petugas barisan hadapan yang menangani penyakit Covid-19 di MAEPS dekat sini, hari ini.

Menurut Ahmad, ikan tuna merupakan produk kekayaan negara yang baharu diterokai oleh nelayan melibatkan Lautan Hindi dan perairan negara Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE).

Kata beliau, nelayan yang berpangkalan di Pulau Pinang dan Langkawi menangkap tuna jenis neritik di perairan ZEE, manakala nelayan di perairan Lautan Hindi menangkap tuna

jenis oseanik.

Mengenai potensi industri tuna, beliau menjelaskan, setakat ini sebanyak 17 vessel atau bot laut dalam beroperasi menangkap tuna untuk keperluan negara. – MalaysiaGazette

## Industri tuna negara bakal dikembangkan melalui Pelan Strategik 2020-2030



SERDANG, 24 Jun -- Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2020-2030 sedang disediakan bagi mengembangkan industri perikanan tuna sebagai salah satu sumber kekayaan baharu negara, kata Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Datuk Munir Mohd Nawi.

Beliau berkata pelan itu mengandungi 10 strategi dan inisiatif pembangunan dan pengurusan industri tuna negara.

"Sehingga 2019, sebanyak 17 buah vesel (kapal) penangkapan ikan tuna dan sebuah vesel carrier telah dilesenkan dan beroperasi di Lautan Hindi dengan hasil tangkapan sebanyak 2,760.60 tan metrik dengan nilai anggaran RM35 juta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas program promosi produk tuna kepada petugas barisan hadapan COVID-19 di MAEPS, di sini, hari ini, yang dirasmikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Menurut Munir, industri tuna di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu tuna oseanik yang boleh didapati di lautan antarabangsa atau Sabah dan Labuan; dan tuna neritik adalah spesis bersaiz kecil yang ditangkap dalam negara di kawasan zon ekonomi eksklusif (ZEE).

Pelabuhan Pulau Pinang dan Langkawi telah disenaraikan Jabatan Perikanan sebagai pelabuhan pendaratan tuna oleh kapal-kapal yang beroperasi di Lautan Hindi, katanya.

Sementara itu, Ahmad berkata, sebanyak 5,000 cucuk sate tuna diagihkan kepada petugas hadapan yang bertugas di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah di MAEPS sebagai tanda penghargaan kerajaan kepada mereka yang telah melaksanakan tugas dengan cemerlang dalam menangani pandemik itu.

Menurutnya, sate tuna ialah produk inovasi Jabatan Perikanan yang diperkenalkan semasa Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) 2016.

-- BERNAMA



Headline	Tarik petani tanam padi wangi MRQ 88		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	24 Jun 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	14	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	81 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 798
Frequency	Weekly	PR Value	RM 2,393



## Tarik petani tanam padi wangi MRQ 88

**SHAH ALAM** - Musim pertama tanaman padi wangi MRQ 88 dijangka menghasilkan pengeluaran yang memuaskan, kata ahli dewan negeri Sekinchan.

Ng Suee Lim berkata, berikutan itu lebih ramai petani akan menanamnya pada masa akan datang berbanding kurang sepuluh ketika ini.

"Setakat pemantauan di lapangan memang dijangka berjaya menghasilkan pengeluaran yang memuaskan. Kita tunggu dan lihat," katanya ketika mengulas mengenai tanaman padi wangi MRQ 88 di Dunnya.

Beliau menyatakan, benih padi wangi yang diperoleh daripada Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) mengambil tempoh tuaian hasil lebih lama sekitar 125 hari berbanding 110 hari untuk padi biasa.

25/6/2020

BERITA  
HARIANMINDA  
PEMBACA

13

# Pilih peserta berkualiti jayakan pertanian bandar

Seperti diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin peruntukan RM10 juta bakal disalurkan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi melaksanakan projek pertanian bandar. Ia sebahagian daripada program Pakej Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Baru-baru ini menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee menyatakan sasaran 12,000 peserta terbabit dalam program ini.

Berdasarkan jumlah peruntukan disediakan berbanding bakal peserta, sudah pasti pulangan daripada aktiviti ini tidak dapat membantu secara berkesan dari sudut kewangan mereka.

Jika dikaji, berapa sangat hasil pertanian diperolehi daripada pejaluran yang bakal diperuntukkan, iaitu RM500 (maksimum) bagi peserta individu dan RM50,000 (maksimum) bagi komuniti.

Jumlah dana disediakan merangkumi kos benih, baja, peralatan dan infrastruktur.

Jika matlamat kerajaan melaksanakan aktiviti ini sekadar untuk mengeluarkan hasil bagi kegunaan peserta dan sedikit untuk jualan, kejayaan pelaksanaannya



Projek pertanian bandar perlu mendapat komitmen tinggi daripada peserta dan pegawai pembimbing agar usaha kerajaan membantu golongan sasaran tidak sia-sia. (Foto hiasan)

tetap perlu diberi perhatian.

Jangan menjadikan usaha ini sekadar melepaskan batok di tangga. Sekecil mana sekalipun usaha pertanian, ia tetap memer-

lukan rutin penjagaan teliti bagi menjamin hasil memuaskan.

Penjagaan rapi tanaman memerlukan komitmen peserta dan pegawai pembimbing daripada ja-

batan pertanian.

Kemungkinan untuk projek ini gagal adalah tinggi jika tiada kerjasama kedua-dua pihak.

Oleh itu, sebelum peruntukan

diluluskan kepada peserta berkeompok atau individu, kajian dari sudut minat, kesungguhan dan komitmen perlu dibuat dengan teliti. Jangan 'tangkap muat' sahaja.

Memang menjadi resam manusia tidak mengahgail pemberian percuma berbanding hasil diperolehi daripada usaha sendiri.

Dikhuatiri projek ini akan gagal mencapai matlamatnya jika tergilap pilih peserta, terutama yang membabitkan diri sekadar suka-suka atau ikutan, apatah lagi segalanya dapat secara percuma.

Kepada pihak bertanggungjawab, galas tugas ini sebaik mungkin supaya dana RM10 juta tidak membezir dan sia-sia.

Semua ini diuit negara dan juga diuit rakyat pada dasarnya.

Diharap projek ini tidak menjadi program subsidi mesin perah air tebu dan penjualan hasil ternusu melalui gerai 'replika botol susu' yang pernah dilaksanakan di negara ini suatu ketika dahulu.

Semuanya lenyap begitu sahaja dan terbukti satu pembaziran.

Zulkiffi,  
Taping

lokal



Oleh Noorazura Abdul Rahman  
 an@hmetro.com.my

Pandang

Bermula dengan menggunakan dron untuk menyebarkan racun dan baja di sawah milik keluarga, seorang pemuda di Kampung Paya Nedom di sini, kini menjadikannya sebagai kerjaya.

Permintaan yang diterima daripada pesawah mampu memberi pendapatan empat angka sebulan kepada Mohd Saifullah Halim, 22.

Mohd Saifullah berkata, permintaan terhadap perkhidmatan ini meningkat secara mendadak sejak musim menanam padi bermula April lalu sehingga dia mahu meraih



# PERACUN DARI LANGIT

*Pemuda tawar khidmat dron ringan beban pesawah mampu raih RM5,000 sebulan*



Mohd Saifullah menerbangkan dron yang digunakannya untuk meracun serta membaja sawah.

pendapatan RM5,000 sebulan.

Katanya, dia mula menawarkan perkhidmatan dron sejak awal tahun lalu kerana ia mampu meringankan beban pesawah dan mempercepatkan proses menyebarkan racun serta baja.

"Pada mulanya saya hanya memiliki satu unit dron untuk kegunaan sendiri bagi menyebarkan di sawah milik bapa seluas 11 hektar, tetapi selepas itu rakan bapa pula mengupah saya melakukan proses sama di sawah mereka.

"Sambutan ketika dua musim menanam sebelum ini sangat menggalakan sehingga saya mampu membeli satu lagi unit dron untuk mempercepatkan kerja," katanya ketika ditemui.

Mohd Saifullah yang juga anak kedua daripada tiga beradik berkata, dia kini turut mengambil dua pekerja bagi membantunya melakukan kerja menyebarkan racun dan baja di sawah.

Katanya, setiap hari mereka mampu melakukan semburan di kawasan seluas sehingga 10 hektar sawah dengan upah antara RM12 hingga RM20 bagi setiap 0.29 hektar.

# Pastikan makanan selamat, cukup hadapi krisis

Dr Siti Fatimah  
Zaharah  
Mohamad Fuzi

Pensyarah Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Setiap tahun berjuta orang di seluruh dunia menderita penyakit bawaan makanan yang serius. Tahun ini antara paling teruk apabila separuh pertama 2020 dibelenggu penyakit berjangkit COVID-19.

Penting menekankan insiden jangkitan meluas berpunca daripada bahaya mikrobiologi, kimia atau makanan lain, terus menjadi masalah serius bagi sistem makanan.

Dalam perkembangan terbaru, virus itu ditemui pada papan pemotong yang digunakan untuk memotong salmon import di pasar Xinfadi, Beijing. Ia menimbulkan kerisauan gelombang kedua wabak di China.

Walaupun tidak ada buktinya makanan atau pembungkusan dikaitkan dengan penyebaran COVID-19 di Malaysia, ia tidak bermakna negara bebas daripada risiko itu.

Keadaan keselamatan dan kebersihan sumber makanan berasaskan haiwan ketika proses pencucian dan memasak, masih perlu dipantau pihak berkuasa.

Apa dapat dipelajari adalah makanan tidak selamat bukan hanya mengundang masalah kesihatan masyarakat yang serius, tetapi juga memberi impak negatif terhadap pendapatan petani, mata pencarian penjual makanan dan kelangsaan perniagaan dan perdagangan.

Seyangnya kemungkinan besar masih wujud ruang untuk virus baharu daripada haiwan atau makmal muncul kembali. Kelaar contohnya adalah bos penyimpan untuk virus seperti SARS-CoV.

Daripada perspektif lebih besar, bermula aspek biodiversiti, selama manusia terus mengubah kegunaan tanah untuk penempatan, pertanian, pembalakan dan pengestrakan, ini secara tidak langsung akan memusnahkan zon penyanga semula jadi yang biasanya memisahkan manusia dan haiwan.

Ini memungkinkan percambahan spesies yang boleh beradaptasi lebih baik di persekitaran diubah suai manusia (seperti kelelawar dan tikus), lantas mewujudkan peluang patogen berpindah daripada haiwan kepada manusia dan menyebabkan penyakit



Bantuan makanan meringankan beban rakyat miskin ketika negara dilanda penularan wabak COVID-19.

(Foto hiasan)

bawaan makanan.

Apabila populasi global meningkat dan proses pembandaran secara besar-besaran berterusan dalam dekad akan datang, trend ini dijangka meningkat berganda.

Isu tidak kurang penting juga berkaitan jaminan dan ketersediaan makanan. Ketidakepastian makanan wujud apabila manusia kehilangan akses kepada makanan selamat dan berkhasiat serta tidak memiliki gaya hidup aktif dan sihat bagi pertumbuhan dan perkembangan normal.

Akses kepada makanan bergantung tahap kemiskinan, kuasa membeli isi rumah, biaya makanan asas dan adanya infrastruktur pengangkutan dan pasar serta sistem pedaran makanan.

Bagi isi rumah termiskin, makanan menyumbang sebahagian besar perbelanjaan mereka dan harga makanan secara langsung mempengaruhi jaminan makanan mereka.

Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) melaporkan seiring berlalunya masa, lebih 820 juta orang akan kekurangan gizi, menyukarkan lagi cabaran mencapai sasaran kelaparan sifat pada 2030.

Lebih membimbangkan, disebabkan wabak ini dunia akan mengalami ketidakepastian makanan lebih teruk.

UNICEF menjelaskan pada 2019, 20.7 peratus kanak-kanak bawah usia lima tahun di Malaysia menderita pertumbuhan terbelat, 11.6 peratus susut berat badan dan 12.7 peratus kanak-kanak berusia lima hingga 19 tahun mengalami kegemukan.

Seperti kebanyakan negara, kemiskinan turut memberi kesan buruk kepada pemilihan makanan. Peraturan kanak-kanak kekurangan zat makanan di kawasan bandar miskin di Malaysia mencatatkan peratusan lebih tinggi daripada petunjuk purata nasional.

Data ini memandang kesan negatif jaminan makanan terhadap rakyat miskin mungkin meningkat berkali ganda pada waktu tidak terjangka ini.

Statistik menunjukkan di Malaysia, 19 peratus kanak-kanak (atau 1.77 juta orang) hidup dalam relatif kemiskinan, diikuti sejumlah besar lagi berisiko jatuh ke dalam jurang kemiskinan jika keluarga mereka mengalami kejutan sosioekonomi.

Anak ini bukan sahaja hidup dalam kekurangan atau berisiko mengalami kehilangan, tetapi juga mempunyai tahap kesihatan kurang baik, pemakanan dan pendidikan jauh lebih rendah daripada kanak-kanak sebaya yang lebih bernasib baik.

Menurut Bank Dunia, kanak-kanak diberi makan dengan sihat selama 1,000 hari pertama dalam hidup mereka adalah 33 peratus lebih cenderung melepaskan diri daripada kemiskinan apabila dewasa.

Namun, 151 juta kanak-kanak di bawah umur lima tahun kini mengalami kekurangan zat makanan kronik di seluruh dunia. Ini membawa kepada kehilangan modal insan dan potensi ekonomi besar.

La cabaran besar di mana permintaan untuk makanan selamat semakin meningkat, pada masa

sama perlu mengekalkan jaminan makanan pada saat krisis demi kesinambungan prospek generasi akan datang.

Persoalannya, bagaimana menjadikan sistem makanan lebih lestari, dari segi keselamatan dan jaminannya di tengah wabak COVID-19?

Pertama, kita perlu melihat punca masalah ini. Sama ada sebelum atau ketika wabak, masalah di Malaysia bukan kekurangan makanan, melainkan kemiskinan tidak berkesudahan.

Oleh itu, penting mengambil kira peranan pertumbuhan ekonomi, ketidakestabilan dan pemeringiran dalam membentuk kesan jaminan makanan serta pemakanan.

Laporan terbaru Organisasi Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bertajuk *The State of Food Security and Nutrition in The World* (2019) menunjukkan perkembangan ekonomi pada dasarnya mempengaruhi jaminan makanan dan pemakanan, bergantung tahap kemiskinan melampau dan sejauh mana rakyat miskin akan tersisih kerana tahap ketidakestabilan berbeza.

Ketidakestabilan, bukan sahaja dalam bentuk pengalihan pendapatan, tetapi juga akses kepada perkhidmatan berkaitan pemakanan dan infrastruktur sosial dan kesihatan.

Sebagai contoh, ketika wabak baharu ini, isi rumah miskin tegar sukar meneruskan kelangsungan hidup kerana tidak memiliki aset untuk ditukarkan kepada wang dan sering mempunyai rangkaian sosial lemah sebagai sokongan.

Untuk mengatasinya, mereka terpaksa menggunakan solusi jangka pendek dan memperjudikan potensi menjana pendapatan lebih baik pada masa depan, apabila gagal menghantar anak ke sekolah.

Ini mendorong mereka jatuh kepada perangkap kemiskinan yang akan diwarisi turun-temurun.

Keperluan mengubah corak konsumsi menyebabkan pengurangan perbelanjaan diperuntukkan untuk pendidikan dan kesihatan, atau peralihan makanan daripada yang kaya nutrien seperti sayur-sayuran atau daging, kepada makanan lebih berkanji.

Walaupun itu membantu memberi tenaga mencukupi dalam jangka pendek, tingkah laku ini memberi kesan jangka panjang negatif terhadap kesihatan, kesejahteraan dan produktiviti generasi akan datang dan masyarakat secara keseluruhan.

Laporan ini menuntut tindakan dua bahagian. Pertama, melindungi jaminan makanan dan pemakanan melalui dasar ekonomi dan sosial yang membantu mengatasi kesan kelembapan atau kemerosotan ekonomi.

Kedua, menungati ketidakestabilan di semua peringkat melalui dasar sektor berkaitan yang membolehkan terlepas daripada ketidakepastian makanan dan kekurangan zat makanan secara lebih lestari.

Sektor swasta, kerajaan, saintis dan lain-lain perlu bekerjasama mengkaji sumber makanan lebih lestari dan lebih selamat untuk memenuhi keperluan pasaran. Program seperti khidmat nutrisi dan kesihatan komuniti perlu diperluas.

Pembiayaan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan yang membolehkan peningkatan kandungan mikronutrien dalam makanan dan sumber balian mental, serta pengubahsuaian sisa makanan dan biomas kepada komoditi bernilai tambah amatlah dihargai.

Selain itu, reformasi dasar dan undang-undang berkaitan untuk meningkatkan kecekapan dan integrasi pasar domestik dan mengurangkan sekatan perdagangan makanan juga harus disokong.

Namun, ini semua bergantung kemampuan institusi dan kesetiagaan mekanisme luar jangka dan dana menyokongnya.

Bagaimanapun, pelaburan dan sumber bantuan tepat, selain sistem pertanian dan makanan dinamik dapat menyedekahkan makanan mencukupi, berpatutan, selamat dan berkhasiat kepada semua orang di mana-mana sahaja, setiap hari walaupun pada masa krisis.